

**FAHAMAN MELAMPAU MENURUT SHEIKH AHMAD AL-FATANI (M. 1908)
BERDASARKAN KITAB *HADIQATUL AZHAR WAR RAYAHIN***

(Extreme Thinking According to Sheikh Ahmad Al-Fatani (D. 1908) Based on The Book of Hadiqatul Azhar War Rayahin)

Mohamad Fikri Mohd Bakri* Mohd Roslan Mohd Nor** Muhammad Khalis Ibrahim***

Abstract

Hadiqatul Azhar War Rayahin is a masterwork written at the end of the nineteenth century by Sheikh Ahmad al-Fatani that analyses the history of the Ottoman Empire, the stories of the scholars, and some discussions in many disciplines of knowledge. However, his work also documented the controversy over the radical ideas that existed at the time. This demonstrates the need of understanding the origins of this extreme thinking in order to avoid Muslims from being persuaded by it. The goal of this research is to identify the type of extreme belief and its characteristics that existed during the time of Sheikh Ahmad al-Fatani's work, Hadiqatul Azhar War Rayahin. This study employs a qualitative research approach based on historical research and content analysis to examine the work of Sheikh Ahmad al-Fatani, Hadiqatul Azhar War Rayahin. The findings of this investigation demonstrate that Sheikh Ahmad al-Fatani has his own ideas on extremist beliefs that can endanger Muslims' religious lives. This study contends that what Sheikh Ahmad al-Fatani described is critical for the current generation to utilise as a guideline to avoid religious extremism.

Keywords: *Extreme thinking, Sheikh Ahmad al-Fatani, Hadiqatul Azhar War Rayahin*

Abstrak

Hadiqatul Azhar War Rayahin adalah sebuah mahakarya Sheikh Ahmad al-Fatani sekitar akhir abad ke-19 yang membincangkan mengenai sejarah kerajaan Uthmaniyyah, kisah-kisah para ulama dan beberapa perbincangan bidang ilmu yang pelbagai. Walau bagaimanapun, perbincangan mengenai fahaman melampau yang wujud pada zamannya turut dicatatkan dalam karyanya ini. Hal ini menunjukkan bahawa kemunculan fahaman melampau ini menjadi suatu perkara yang penting untuk diketahui bagi mengelakkan umat Islam terpengaruh dengannya. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti bentuk fahaman melampau dan ciri-cirinya yang pernah wujud pada era Sheikh Ahmad al-Fatani melalui karyanya, *Hadiqatul Azhar War Rayahin*. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif menerusi metode kajian sejarah dan analisis kandungan iaitu penelitian terhadap karya Sheikh Ahmad al-Fatani, *Hadiqatul Azhar War Rayahin*. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa Sheikh Ahmad al-Fatani mempunyai pandangan beliau sendiri mengenai fahaman melampau yang dapat menggugat kehidupan beragama umat Islam. Kajian ini menghujahkan bahawa apa yang digariskan oleh Sheikh

* Mohamad Fikri Mohd Bakri. Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur. Emel: bakrifikri07@gmail.com

** Mohd Roslan Mohd Nor. Profesor di Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur. Emel: m_roslan@um.edu.my

*** Muhammad Khalis Ibrahim. Pensyarah Kanan, Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur. Emel: m_khalis@um.edu.my

Ahmad al-Fatani amat penting untuk dijadikan pedoman oleh generasi kini bagi mengelak daripada bersikap melampau dalam beragama.

Kata Kunci: Fahaman melampau, Sheikh Ahmad al-Fatani, Hadiqatul Azhar War Rayahin

Pengenalan

Kemunculan pelbagai aliran pemikiran akidah di dalam Islam memberikan impak yang besar terhadap pengamalan kehidupan beragama. Setelah kewafatan baginda Nabi Muhammad SAW, umat Islam berhadapan mula berdepan dengan pelbagai persoalan baru yang tidak berlaku pada zaman Rasulullah SAW. Hal ini menuntut para sahabat untuk berijtihad dan bersama-sama berbincang bagi menyelesaikan masalah yang timbul. Perbezaan pandangan dan kemasukan pengaruh budaya asing ke dalam Islam turut memberi pengaruh kepada pengamalan agama. Ada di antara aliran pemikiran yang lahir ini berpunca daripada sikap fanatik terhadap individu untuk diangkat sebagai pemimpin seperti Syiah dan ada juga bentuk fahaman melampau yang timbul disebabkan pemahaman literal terhadap nas-nas syarak seperti khawarij.

Aliran-aliran pemikiran yang wujud ini masing-masing berlumba dalam mencari hakikat kebenaran, tidak kurang ada di antara aliran ini yang mempunyai pandangan dan pengamalan agama yang melampau sehingga turut menyebarkan ajaran sesat. Implikasinya, kemunculan fahaman baru yang melampau ini dapat menghasilkan keuntungan atas nama agama. Selain itu, sikap mereka yang agak bertentangan dengan pengamalan agama sedia ada pada penduduk setempat telah menimbulkan polemik yang berpanjangan. Pertembungan aliran Kaum Tua dan Kaum Muda adalah salah satu contoh implikasi daripada perselisihan di antara dua kumpulan agama dalam mengamalkan syariat Islam di Tanah Melayu suatu ketika dahulu.

Sheikh Ahmad al-Fatani merupakan di antara ulama Melayu yang pernah membincangkan perihal fahaman melampau di dalam karyanya *Hadiqatul Azhar War Rayahin*. Fahaman melampau yang dibincangkan oleh beliau ialah mengenai kumpulan Wahhabiyyah di Tanah Haram. Fahaman yang dibawa oleh kumpulan Wahhabiyyah ini sedikit sebanyak telah menimbulkan beberapa polemik dalam pengamalan agama terutamanya perbezaan dalam persoalan ibadah daripada ritual keagamaan yang biasa diamalkan penduduk setempat. Tidak hanya itu, pendekatan yang digunakan oleh kumpulan ini dalam menyebarkan dakwah Islam kepada masyarakat setempat dilihat sebagai suatu bentuk fahaman yang melampau disisi Sheikh Ahmad al-Fatani. Kesannya, umat Islam akan berpecah dan saling menyalah antara satu sama lain khususnya dalam pengamalan beragama. Di Malaysia sendiri, gerakan dakwah dipelopori oleh Kaum Muda lebih dikenali oleh masyarakat awam sebagai kumpulan beraliran Wahhabi. Hal ini disebabkan cara pergerakan mereka yang agak agresif. Oleh itu, pendekatan yang sederhana dalam pengamalan agama sepatutnya diamalkan oleh umat Islam agar tidak menimbulkan perselisihan pendapat dan mengundang pelbagai polemik antara komuniti muslim.

Kitab *Hadiqatul Azhar War Rayahin* adalah salah satu karya Sheikh Ahmad al-Fatani yang signifikan dalam menghuraikan mengenai kumpulan fahaman melampau yang pernah wujud sezaman dengan beliau sendiri. Malah, Sheikh Ahmad juga mempunyai pengalaman dalam melihat sikap dan tindakan kumpulan Wahhabiyyah ini. Artikel ini akan membincangkan mengenai fahaman melampau dan moderasi beragama menurut Sheikh Ahmad al-Fatani berdasarkan karya *Hadiqatul Azhar War Rayahin*.

Metodologi Kajian

Artikel ini secara asasnya menggunakan pendekatan kaedah kajian kualitatif iaitu analisis penyelidikan perpustakaan dan metode kajian sejarah. Kajian ini melibatkan penggunaan sumber primer dan sumber sekunder yang berkaitan dengan tajuk. Sumber primer bagi artikel ini adalah kitab *Hadiqatul Azhar War Rayahin* itu sendiri. Manuskrip yang digunakan dalam kajian ini ialah manuskrip cetakan Matba'ah al-Miriyah al-Kainah bertajuk *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin fi Manaqib al-Mkhyar wa Akhbar al-Salihin* : pada menyatakan beberapa kelebihan akhyar dan beberapa banyak khabar awliya dan salihin dan beberapa khabar salatin. Cetakan ulang manuskrip ini turut dilakukan oleh Khazanah Fathaniyah dengan memasukkan versi monograf simpanan Hj Wan Mohd Shaghir Wan Abdullah. Kitab ini mempunyai 230 halaman bagi versi Matba'ah al-Miriyah dan 213 halaman versi monograf. Manakala sumber sekunder yang digunakan dalam kajian ini merangkumi kajian-kajian lepas yang berkait dengan fahaman melampau, Sheikh Ahmad al-Fatani dan kitab *Hadiqatul Azhar War Rayahin*. Kedua-dua sumber ini merupakan sumber yang penting bagi mengumpulkan maklumat dan pemahaman mengenai fahaman melampau pada pandangan Sheikh Ahmad al-Fatani menerusi karyanya. Kesemua sumber ini telah dinalisis secara kritis dan mendalam bagi mengekstrak bentuk-bentuk fahaman melampau yang diketengahkan oleh Sheikh Ahmad melalui manuskrip *Hadiqatul Azhar War Rayahin*. Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan penjelasan dan pemahaman yang lebih mendalam mengenai fahaman melampau menurut Sheikh Ahmad al-Fatani.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Latar Belakang Sheikh Ahmad Al-Fatani dan Kitab *Hadiqatul Azhar War Rayahin*

Nama penuh Sheikh Ahmad al-Fatani ialah Wan Ahmad bin Wan Muhammad Zain bin Wan Mustafa al-Fatani. Menurut Hj Wan Mohd Shaghir yang juga cucu beliau, nama lengkap Sheikh Ahmad ialah Wan Ahmad bin Wan Muhammad Zainal Abidin bin Datu' Panglima Kaya Sheikh Haji Wan Mushthafa bin Wan Muhammad bin Wan Muhammad Zainal Abidin (Faqih Wan Musa al-Jambui al-Sanawi al-Fatani) bin Wan Muhammad Shalih al-Liqihi.¹Nasab ini dicatat sendiri oleh Sheikh Ahmad dalam karya beliau terutamanya *Hadiqatul Azhar War Rayahin* dan *Tuhfatul Ummah*.

Jika diperhatikan, Sheikh Mustafa bin Muhamad (m. 1863M), datuk kepada Sheikh Ahmad al-Fatani merupakan seorang ulama yang masyhur pada zamannya. Malah beliau merupakan salah seorang daripada hulubalang Sultan Fatani Darus Salam. Ayah beliau pula, Sheikh Wan Muhammad Zainal Abidin al-Fatani juga merupakan seorang ulama yang tersohor. Turut dicatatkan bahawa, nasab keturunan Sheikh Ahmad datangnye dari leluhur keturunan Saidina Abbas bin Abdul Muttalib, bapa saudara Rasulullah s.a.w kerana nasab sebelah ibunya berakhir kepada Saidina Abbas bin Abdul Muttalib.²

¹ Abdullah, W. M. S., *Syeikh Ahmad Al-Fatani: Pemikir Agung Melayu Dan Islam*. Jilid 1. (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah, 2005) 13.

² *Ibid*, 33.

Sheikh Ahmad al-Fatani dilahirkan pada malam Jumaat 5 Sya'ban 1272H bersamaan dengan 10 April 1856M di Kampung Jambu, Patani.³ Beliau sendiri telah mencatatkan maklumat ini di dalam karyanya *Hadiqatul Azhar War Rayahin* dengan menyebut:

(Faedah) diperanakkan Ahmad Bin Muhammad Zain Bin Mustafa Bin Muhammad Fatani pada malam jumaat waktu jendera budak 5 haribulan Sya'ban daripada tahun 1272, tahun ular besar pada bulan 5 daripadanya dengan istilah Siam pada hari yang keenam daripada bulan yang keenam pada istilah Melayu dan tempat beranakanya pada kampung Jambu, negeri Jerim daripada bumi Patani dan masyhurnya kampung Jambu itu dan Kampung Sena Janjar.

Setelah hampir 25 tahun berbakti dalam Dunia Islam sebagai guru khususnya di Masjid al-Haram, Sheikh Ahmad al-Fatani telah menyahut seruan ilahi pada tanggal 11 Zulhijah 1325 H bersamaan 14 Januari 1908 M di Mina ketika beliau sedang mengerjakan haji sunat. Umur beliau ketika itu ialah 52 tahun. Jenazah Sheikh Ahmad telah dibawa ke Mekah untuk dikebumikan di perkuburan Ma'ala, Mekah. Kubur beliau dikatakan terletak di bawah kaki Siti Khadijah r.a, Umm al-Mu'minin, isteri pertama Rasulullah SAW.⁴

Pendidikan

Didikan terawal yang diterima Sheikh Ahmad al-Fatani adalah daripada bapanya sendiri iaitu Haji Wan Muhammad Zain atau turut dikenali dengan Wan Din bin Sheikh Wan Mustafa. Selepas itu, Sheikh Ahmad turut berguru dengan bapa saudaranya iaitu Sheikh Wan Mustafa yang digelar "Tok Guru Bendang Daya II". Bapa saudaranya ini merupakan di antara guru pondok yang sangat terkenal di Patani sekitar pertengahan abad ke-19 M.⁵ Sheikh Ahmad merupakan seorang yang sangat cerdas otaknya serta diakui kealimannya semenjak berusia dua belas tahun lagi.⁶ Ketika beliau berumur dua tahun, beliau telah dilatih untuk menghafal pelbagai *matan*.

Ketika berumur empat tahun, Sheikh Ahmad al-Fatani telah menetap di Mekah setelah dibawa oleh ayahanda dan ibundanya. Mengikut catatan Sheikh Abdullah Mirdad pula, ketika dibawa hijrah itu, beliau berumur enam tahun. Ketika di Mekah, beliau belajar pula dengan para ulama Mekah. Menurut keterangan Sheikh Abdullah Mirdad (1978) lagi, Sheikh Ahmad telah menghafaz al-Quran dan beberapa *matan*. Antara guru yang sering didampinginya ialah Sayyid Umar al-Syami al-Buqa'iy yang mengajar pelbagai aspek ilmu seperti bahasa arab, *usuluddin*, *tafsir*, *hadis*, *ma'ani*, *bayan*, *badi*, *'arud* dan lain-lain. Beliau juga turut menegaskan bahawa Sheikh Ahmad al-Fatani sudah menjadi seorang ulama yang mempunyai kelebihan dalam pelbagai bidang ilmu dan seorang ahli syair.⁷ Pada usia dua belas tahun, beliau telah

³ Sulaiman, M. H., Analisis Pemikiran Sheikh Wan Ahmad Bin Muhammad Zain Al-Fatani Dalam Konsep Ilahiyat. (Tesis Kedoktoran, Universiti Utara Malaysia, 2012) 21.

⁴ Abdullah, W. M. S., *Syeikh Ahmad Al-Fatani: Pemikir Agung Melayu Dan Islam*. Jilid 1. (Kuala Lumpur: Khazanah Fataniyyah, 2005) 117.

⁵ Sulaiman, M. H., Analisis Pemikiran Sheikh Wan Ahmad Bin Muhammad Zain Al-Fatani Dalam Konsep Ilahiyat. (Tesis Kedoktoran, Universiti Utara Malaysia, 2012) 23.

⁶ Sulong, A. R., Pemikiran Turki Uthmaniyyah Menurut Syeikh Wan Ahmad Bin Muhammad Zain Al-Fatani Dalam Bukunya Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin. (Tesis Kedoktoran, Universiti Sains Malaysia, 2013) 62.

⁷ *Ibid.*,

mengajar ilmu nahu dan sarf kepada orang dewasa.⁸ Selepas itu, Sheikh Ahmad berangkat ke Bait al-Maqdis untuk menimba ilmu. Setelah dua tahun di Bait al-Maqdis, beliau pulang ke Mekah. Di Mekah, beliau telah mengaplikasikan ilmu perubatan yang dipelajarinya dengan menjadi seorang tabib yang mahir dalam membuat berbagai-bagai jenis ubat-ubatan. Keadaan ini kurang disenangi oleh ayahandanya dan beliau diminta agar mendalami ilmu agama agar menjadi seperti ulama-ulama Patani Dar al-Salam.

Sheikh Ahmad merupakan orang pertama dari Asia Tenggara yang belajar di Mesir. Universiti Al-Azhar pada ketika itu sedang dalam proses peralihan daripada sistem tradisional kepada sistem pendidikan moden. Ketika itu juga, gerakan pembaharuan yang disebarkan oleh al-Afghani dan Muhammad Abduh sedang berkembang di Mesir. Keadaan ini sedikit sebanyak telah memberikan kesan terhadap perkembangan pemikiran beliau tentang keadaan politik dan masyarakat Islam. Ketika menuntut ilmu di Universiti al-Azhar, Sheikh Ahmad telah berusaha memperkenalkan Alam Melayu kepada tokoh-tokoh penting di universiti supaya memudahkan pelajar-pelajar dari negeri Melayu untuk memasuki Universiti al-Azhar dikemudian hari.⁹

Sheikh Ahmad al-Fatani telah berguru dan menimba ilmu dengan ramai ulama yang masyhur. Guru-guru beliau yang terkenal ketika di Mekah, Madinah dan Mesir antara lain ialah :

1. Sheikh Umar al-Syami al-Baqai'iy (m.1313 H/1896 M)
2. Sayyid Hussein al-Habsyi (m. 1304 H/1887 M)
3. Sheikh Ahmad bin Zaini Dahlan (m.1304 H/1887 M)
4. Sheikh Hasbullah atau Muhammad bin Sulaiman
5. Sayyid Muhammad Haqqi al-Nazili

Seorang ulama yang hebat pastinya akan melahirkan generasi dari kalangan anak murid yang hebat. Kewibawaan Sheikh Ahmad al-Fatani sebagai ulama besar telah mendorong ramai penuntut ilmu untuk berguru dengan beliau. Hal ini menjadikannya di antara ulama utama atau mahaguru kepada alim ulama yang bertebaran di rantau Alam Melayu sekitar abad ke-19. Di sana terdapat beberapa nama dari kalangan anak murid beliau yang turut bergelar ulama. Mereka ialah:

1. Dato^o Hj. Abdullah Bin Musa al-Kelantani, Mufti kerajaan Johor (m.1916M).
2. Hj. Wan Ishak Bin Imam Hj. Abdullah, Mufti Kerajaan Kelantan (m.1915M).
3. Tok Kenali iaitu Hj. Muhammad Yusuf Bin Ahmad (m.1933M), guru pondok paling berpengaruh di Kelantan. Beliau merupakan anak murid kesayangan alFatani.
4. Tok Selihong iaitu Hj Abdul Rahman Bin Hj. Usman (m. 1935M).
5. Tok Padang Jelapang, Hj. Wan Ahmad Bin Hj. Abdul Halim. (m.1935M).

Sheikh Ahmad merupakan ulama yang komited dalam menghasilkan karya penulisan sama ada di dalam bahasa Melayu atau bahasa Arab. Karya beliau seperti *al-Fatawa al-Fataniyyah*, *Faridat al-Faraid*, *Hadiqatul Azhar Wal Rayahin* serta beberapa lagi. Tidak hanya menulis,

⁸ Sulaiman, M. H., Analisis Pemikiran Sheikh Wan Ahmad Bin Muhammad Zain Al-Fatani Dalam Konsep Ilahiyat. (Tesis Kedotoran, Universiti Utara Malaysia, 2012) 24.

⁹ *Ibid*, 25.

beliau juga giat menyunting beberapa karya ulama Melayu sebelumnya agar dapat menjadi tatapan generasi seterusnya. Terdapat beberapa karya yang disunting oleh Sheikh Ahmad seperti kitab “*al-Durr al-Tamim*”, “*Furu al-Masa’il wa Usul al-masa’il*”, “*Munyat al-Musalla*” serta beberapa lagi hasil penulisan Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Karya-karya yang bermutu ini telah membantu dalam meningkatkan taraf pendidikan masyarakat di kepulauan Melayu di awal kurun ke 20.¹⁰

Ketokohan Sheikh Ahmad al-Fatani

Ahmad Fathy al-Fatani dalam bukunya bertajuk “Ulama Besar dari Patani” telah menyenaraikan 25 orang tokoh ulama dari Patani beserta riwayat hidup mereka. Biografi Sheikh Ahmad al-Fatani berada pada kedudukan ketiga dimana pengarangnya telah menggambarkan kehebatan dan keistimewaan yang dimiliki Sheikh Ahmad.¹¹ Ahmad Fathy al-Fatani telah menyenaraikan sembilan keistimewaan Sheikh Ahmad al-Fatani iaitu:

- i. Ulama Melayu pertama yang merintis penyelidikan dalam bidang kimia.
- ii. Ulama Melayu pertama yang mempelajari ilmu perubatan.
- iii. Pentashih kitab-kitab Melayu yang paling awal di percetakan negeri Mesir, Mekah dan Istanbul.
- iv. Pelopor penulisan sejarah yang jarang diterokai orang.
- v. Dapat mengupas utaian syair-syair Arab lama setanding dengan kebolehan jaguh Arab sendiri
- vi. Seorang ulama siasah dan pejuang yang mengambil berat terhadap nasib bangsa Melayu.
- vii. Antara ulama Melayu yang berkemampuan mengarang kitab dalam bahasa Arab.
- viii. Menguasai hampir 47 bidang ilmu.
- ix. Ulama Melayu pertama yang mengadakan soal jawab agama di Masjid al-Haram secara terbuka. Hasil dari soal jawab ini kemudiannya dibukukan dalam kitab beliau berjudul “*al-Fatawa al-Fataniyah*”

Keunggulan Sheikh Ahmad al-Fatani tidak hanya dikagumi oleh masyarakat tempatan, namun turut dipuji oleh sarjana barat seperti Snouck Hurgronje yang menggelarnya sebagai “*a savant of merit*” didalam bukunya *Mecca in the latter part of the nineteenth century*. Orientalis lain

¹⁰ Yaacob, A., Yaacob, S., Yaacob, H., & Yaacob, B., Syekh Ahmad Bin Muhammad Zain Bin Mustafa Al-Fatani: Peranan Dalam Bidang Politik Dan Pendidikan Di Alam Melayu Abad Ke 20. *International Journal of Law, Government and Communication*. 6/36 (2021), 175.

¹¹ Fathy, A., *Ulama Besar Dari Patani*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, (2002) 57.

yang menyalin buku ini seperti William R. Roff, M.B Hooker dan Virginia Matheson juga turut mengekalkan gelaran ini.¹²

Kitab Hadiqatul Azhar War Rayahin

Karya *Hadiqatul Azhar War Rayahin* merupakan sebuah penulisan di dalam bahasa Melayu. Menjadi suatu kebiasaan bagi ulama Melayu silam dimana mereka akan meletakkan judul buku yang dikarang dalam bahasa Arab serta menterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sekalipun isi kandungan ditulis dalam bahasa Melayu. Nama penuh kitab ini seperti yang tercatat dalam buku *Hadiqatul Azhar War Rayahin* ialah :

حديقة الأزهار والرياحين في مناقب الأخيار والخبار الصالحين وأنيقه السرور

والاستحسان في نفائس شتى يرغب فيها كل إنسان

Sheikh Ahmad sendiri telah menterjemahkan nama kitab ini ke dalam bahasa Melayu iaitu :

*“Kebun Bunga-bunga dan Pohon-pohon yang Mempunyai Bau yang Baik
pada Menyatakan Beberapa Kelebihan Orang yang Baik-baik dan Beberapa
Cetera Aulia dan Salihin dan Tempat yang Elok Lagi Indah yang
Mencengangkan pada Menyatakan Beberapa Banyak Faedah yang Gemar
padanya oleh Tiap-tiap Manusia”¹³*

Sheikh Ahmad al-Fatani telah menggambarkan kitabnya sebagai taman bunga yang indah dan berbau harum kerana ia mengandungi kisah dan sejarah para wali dan orang soleh. Beliau juga turut mengibaratkannya sebagai tempat yang indah lagi terpesona kerana dimuatkan dengan maklumat yang berguna. Jadi, nama yang diberikan oleh pengarang sangat sesuai dengan kandungan buku ini. Beberapa bidang ilmu telah dimuatkan dalam karya *Hadiqatul Azhar War Rayahin* ini seperti ilmu sejarah yang merangkumi biografi para salihin, aulia’, para imam dan khalifah Islam khususnya khalifah-khalifah Uthmaniyah yang hidup sezaman dengannya seperti Khalifah Abdul Hamid II.

Dari aspek penyusunan Kitab *Hadiqatul Azhar War Rayahin* ini sedikit berbeza daripada kitab-kitab Melayu yang lain. Sheikh Ahmad al-Fatani tidak menentukan bidang khusus dalam menulis, sebaliknya beliau dilihat telah memuatkan beberapa cabang ilmu dan pengalaman hidup beliau dalam kitab ini. Beliau cuba untuk menyenaraikan apa sahaja yang beliau tahu ke dalam kitab ini supaya ia dapat menjadi khazanah ilmu kepada generasi pelapis.¹⁴ Isi kandungan kitab ini terdiri daripada enam bahagian utama yang menggunakan istilah fasal. Nama tajuk bagi setiap fasal ini ditulis dalam bahasa Arab kemudian diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Setiap fasal mempunyai perbincangan yang berbeza dengan fasal-fasal yang lain. Walaubagaimanapun, didapati sebahagian besar isinya membincangkan perihal sejarah dan yang selebihnya beliau menyebut tentang pengertian berbagai ilmu dan nasihat-nasihat.

¹² Bakri, M. F. M., Elemen Tajdid dan Islah Syeikh Ahmad al-Fatani (m. 1908) dalam Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin. (Latihan Akademik. Universiti Malaya, 2023) 70.

¹³ Al-Fatani, S. A., *Hadiqatul Azhar War Rayahin*. ed. Wan Mohd Shaghir Abdullah. 1998; cet. ke-1, (Selangor: Khazanah Fathaniyyah, 2020) 4.

¹⁴ Sulong, A. R., Pemikiran Turki Uthmaniyyah Menurut Syeikh Wan Ahmad Bin Muhammad Zain Al-Fatani Dalam Bukunya Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin. (Tesis Kedoktoran, Universiti Sains Malaysia, 2013) 133.

Fasal pertama ini mengandungi 22 halaman yang bermula dari halaman 21 hingga 42. Pada fasal ini, Sheikh Ahmad al-Fatani menerangkan mengenai *manaqib* (kelebihan dan kemegahan) para imam mujtahidin yang empat. Menurut beliau, sejarah para Imam yang empat ini *dinaqal* (nukil) dari kitab *al-Raud al-Fa'iq*. Imam mujtahidin yang dimaksudkan terdiri daripada Imam Abu Hanifah al-Nu'man r.a., Imam Malik bin Anas r.a., Imam al-Shafi'i Muhammad bin Idris dan Imam Ahmad bin Hanbal r.a.¹⁵

Fasal kedua pula memuatkan *akhbar* dan *hikayat* para *wali* dan *salihin* sebanyak 36 hikayat yang terkandung dalam 48 halaman keseluruhannya, iaitu bermula daripada halaman 42 sehingga halaman 89. Dalam fasal ini, Sheikh Ahmad al-Fatani tidak membicarakan secara khusus mengenai sejarah peribadi seseorang wali atau salihin, sebaliknya beliau lebih memberi tumpuannya kepada sebahagian peristiwa yang luar biasa atau kekeramatan yang berlaku kepada mereka pada masa-masa yang berbeza. Di penghujung sebahagian *hikayat* pula, Sheikh Ahmad akan menyelitkan kata-kata beliau untuk memberi rangsangann kepada para pembaca supaya dapat mencontohi dan meneladani tingkah laku dan akhlak yang terdapat dalam hikayat itu.¹⁶

Perbincangan fasal yang ketiga ini lebih menumpukan kepada *manaqib* beberapa *qutub* dan para *wali* yang masyhur. Fasal ini mengandungi 22 halaman yang bermula daripada halaman 89 hingga halaman 110. Sebanyak enam orang ulama yang terdiri daripada Saiyid Ahmad al-Rifa'e, Saiyid Abdul Qadir al-Jailani, Saiyid Ahmad al-Badawi, Ibrahim Dusuqi, Saiyid Abu al-Hasan al-Shazili dan Saiyid Shams al-Din Muhammad al-Hanafi telah diterangkan biografi mereka secara ringkas oleh Sheikh Ahmad al-Fatani. Fasal ini mempunyai persamaan dengan fasal pertama kerana membicarakan biodata tokoh tetapi bahagian akhirnya sedikit berbeza dimana pengarang menyentuh sebahagian kisah kekeramatan tokoh tersebut. Dalam fasal keempat ini pula, pengarang telah membahaskan mengenai Daulah Uthmaniyyah (Kerajaan Uthmaniyyah) sebanyak 41 halaman. Bermula dari halaman 110 hingga halaman 151. Sheikh Ahmad telah membicarakan riwayat hidup setiap sultan secara terperinci dengan menyebut mengenai pemerintahan, politik, ekonomi, ketenteraan dan peperangan-peperangan yang dihadapi oleh para sultan ini ketika zaman pemerintahan mereka.¹⁷

Pada fasal kelima, Sheikh Ahmad al-Fatani menyebut berbagai pengertian ilmu seperti pengertian ilmu *tauhid*, seni *khat*, ilmu *fiqah*, ilmu *usul al-fiqh*, ilmu *tarikh*, ilmu *lughah* (bahasa), ilmu *siasah* (politik), ilmu *tasawuf* dan lain-lain yang mengguna sebanyak 57 halaman, bermula dari halaman 151 sehingga kepada halaman 208. Selain daripada definisi ilmu, beliau juga menyebutkan mengenai beberapa faedah seperti ciri-ciri akhlak mulia, tingkatan iman, ubat sakit gigi dan sebagainya. Perbahasan selebihnya pula lebih menumpukan kepada *masalah fiqhiyah*. Fasal keenam ini mengandungi 18 halaman yang bermula pada halaman 208 hingga halaman hingga halaman 225. Dalam fasal ini, Sheikh Ahmad al-Fatani menyebut mengenai beberapa pengajaran dan nasihat berdasarkan hadis, *athar* daripada para sahabat, dan perkataan ulama yang dapat memberi manfaat di dunia dan akhirat.¹⁸

¹⁵ *Ibid.*

¹⁶ *Ibid*, 145.

¹⁷ *Ibid*, 145-169.

¹⁸ *Ibid.*

Fahaman Melampau dalam *Hadiqatul Azhar War Rayahin*

Fahaman melampau merujuk kepada suatu bentuk sikap atau pendirian yang membawa kepada perlakuan ekstrem, radikal atau ganas. Istilah lain yang turut digunakan untuk menggambarkan perilaku ini ialah ektremisme atau radikalisme. Sejarah Islam mencatatkan bahawa ektremisme berlaku dalam dua bentuk iaitu dari aspek perbuatan (*al-ifrat*) dan ektremisme dari sudut pemikiran (*al-tafrit*).¹⁹ Terdapat beberapa aliran pemikiran dalam sejarah Islam dikaitkan dengan kedua-dua bentuk perilaku ektremisme ini disebabkan pelbagai faktor yang mendorong kepada kelahiran fahaman yang melampau khususnya dalam pengamalan agama.

Menjelang abad ke-18, gerakan “Wahhabiyyah” yang dipelopori oleh Muhammad bin Abdul Wahhab dilihat menjadi suatu bentuk fahaman yang giat berkembang terutamanya di Semenanjung Arab. Kemunculan gerakan ini telah mendapat perhatian oleh ulama Melayu khususnya Sheikh Ahmad al-Fatani yang turut sama menyaksikan tindak-tanduk serta ideologi yang disebarkan mereka. Sheikh Ahmad al-Fatani menghuraikan mengenai gerakan Wahhabiyyah ini di dalam satu subtopik khusus bertajuk “Kenyataan Wahhabiyyah yang Mengerasi Dua Tanah Haram” pada halaman 144 kitab *Hadiqatul Azhar War Rayahin*.

Sheikh Ahmad al-Fatani merupakan salah seorang ulama Melayu yang menjadi pengajar di Masjid al-Haram. Beliau melihat bahawa gerakan ini telah banyak menimbulkan konflik yang memberi kesan kepada ketidakharmonian dalam pengamalan hidup beragama. Fitnah yang dibawa oleh gerakan ini telah menyebabkan berlakunya kacau bilau khususnya di Tanah Haram. Sheikh Ahmad al-Fatani menjelaskan sejarah gerakan ini dengan mengaitkan peristiwa-peristiwa fitnah yang berlaku ketika era Sultan Salim III. Katanya:

“Dan setengah daripadanya fitnah taifah Wahhabiyyah yang melampau mereka itu hingga merentah mereka itu akan dua Tanah Haram yang mulia. Dan mereka itu satu kaum yang mempunyai mazhab yang jahat dan jalan yang sesat dan i'tiqad yang mudarat, Dan adalah yang menghantar (penganjur) mazhab mereka itu yang keji dan yang meringkahkan dia, Muhammad anak Abdul Wahab dan asalnya daripada masyriq (timur: Najd) daripada Bani Tamim dan adalah permulaan pekerjaannya bahawa ia setengah daripada mereka yang menuntut ilmu di negeri Madinat al-Munawwarah ‘ala sahibiha afdalu as-salati wa as-salam, Dan adalah bapanya laki-laki yang soleh, demikian lagi saudaranya. Dan adalah bapanya dan saudaranya dan sekalian guru-gurunya memfirasat mereka itu padanya bahawa sanya lagi akan jadi daripadanya sesat dan menyesat dan zaigh dan ilhad dari kerana barang yang diketahui oleh mereka itu daripada perkataannya dan perbuatannya dan bantah-bantahannya pada kebanyakan daripada beberapa banyak masalah. Maka adalah mereka itu menakutkan akan manusia hampir kepadanya. Maka tahqiq oleh Allah Ta‘ala akan firasat mereka itu”²⁰

¹⁹ Wahab, M. R., Shuhari, M. H., & Hamat, M. F., Mendeapani Ekstremisme Melalui Pendekatan Waljamaah Berteraskan Wasatiyyah. *Journal of Public Security and Safety*, 14/2 (2022), 157.

²⁰ Al-Fatani, S. A., *Hadiqatul Azhar War Rayahin*. ed. Wan Mohd Shaghir Abdullah. 1998; cet. ke-1, (Selangor: Khazanah Fathaniyyah, 2020) 144.

Sheikh Ahmad al-Fatani menerangkan kepada para pembaca mengenai sejarah awal penubuhan gerakan yang dikenali sebagai Wahhabiyyah ini. Menurut beliau, gerakan ini diasaskan oleh Muhammad bin Abdul Wahab yang berasal dari daerah timur Semenanjung Arab (Najd) dan dia berketurunan Bani Tamim. Muhammad bin Abdul Wahhab telah memulakan pengajiannya dengan bapanya sendiri Sheikh Abdul Wahhab bin Sulaiman yang ketika itu merupakan seorang tokoh masyarakat, ulama serta kadi yang warak dalam mazhab Hanbali.²¹ Dicapitkan bahawa, Muhammad bin Abdul Wahhab sering bertelagah dengan bapanya atas faktor kejanggalan ilmu yang dimilikinya sendiri. Ketika mengikuti ayahnya menunaikan haji di Mekah, Muhammad bin Abdul Wahhab terus tinggal di sana dan mula melibatkan diri dengan perdagangan. Dalam perjalanannya dari satu kota ke kota yang lain, beliau mula terdedah kepada fahaman Musyabihah-Mujassimah manhaj Ibnu Taimiyyah. Kecenderungannya terhadap fahaman ini akhirnya mempengaruhi corak pemikirannya.²²

Sheikh Ahmad al-Fatani menggelarkan kumpulan fahaman Wahhabiyyah sebagai sebuah kaum yang mempunyai mazhab yang jahat dan i'tiqad (pegangan) yang mudarat. Hal ini disebabkan ideologi dan tindak tanduk kumpulan ini yang dilihat agak radikal. Terdapat pelbagai definisi turut dikemukakan oleh para sarjana dan ulama bagi menjelaskan maksud di sebalik nama “Wahhabiyyah” ini. Menurut Muhammad Abu Zahrah, Wahhabiyyah muncul di gurun Arab sebagai reaksi kepada sikap pengkultusan dalam bentuk mencari keberkatan daripada orang tertentu serta mendekatkan diri kepada Allah melalui ziarah ke kubur mereka, di samping terhadap bidaah yang telah mendominasi pelbagai tempat keagamaan dan aktiviti duniawi.²³ Wahhabiyyah muncul untuk melawan semua penyimpangan ini dan menghidupkan kembali mazhab Ibnu Taymiyyah.²⁴

Dalam Oxford Bibliographies pula, Wahhabiyyah merujuk kepada suatu gerakan kebangkitan dan reformasi sekitar abad ke-18 oleh Muhammad bin Abdul Wahhab. Gerakan ini dimulai di wilayah Najd yang sekarang dikenali sebagai Arab Saudi. Ideologi yang dibawa oleh Muhammad bin Abdul Wahhab menekankan kepada tauhid (tauhid mutlak), penentangan terhadap syirik (mempersekutukan orang atau apa sahaja dengan Tuhan), dan setiap individu harus merujuk kembali secara langsung kepada al-Quran dan Sunnah untuk tafsiran (ijtihad).²⁵ Seiring dengan perkembangan zaman, kumpulan yang terpengaruh dengan fahaman Wahhabiyyah melihat pengamalan agama dalam kalangan umat Islam semakin jauh daripada ajaran al-Quran dan Sunnah yang sebenar. Mereka telah menggambarkan kehidupan umat Islam penuh dengan khurafat kepercayaan, seperti pemujaan pokok dan batu ibadah, manifestasi bid'ah (bid'ah) seperti menziarahi makam orang suci, dan lain-lain.²⁶ Bertitik tolak dari itu, Muhammad bin Abdul Wahhab melihat perlunya satu reformasi bagi mengembalikan Islam kepada ajaran yang monoteisme murni yang berlandaskan al-Quran dan hadis serta bebas dari segala perkara yang dianggap bid'ah, syirik dan khurafat.²⁷

²¹ Jawi, I., *Kitab Tamadun Islam*. (Kuala Lumpur: Patriots Publication, 2019).

²² *Ibid.*,

²³ Zahra, M. A. *Tarikh Al-Madhahib Al-Islamiyyah Fi Al-Siyasah Wa Al-'Aqai'd Wa Tarikh Al-Madhahib Al-Fiqhiyyah*. (Kaherah: Dar Fikr al-Arabi, t.t) 199.

²⁴ Ishak, R. A., & Razali, W. M. F. A. W., Ciri-ciri Wahhabi Menurut Pandangan Muhammad Abu Zahrah dalam *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah. Jurnal Sains Insani*. 5/1 (2020), 261.

²⁵ Delong-Bas. N., *Wahhabism*. (2009). Diakses pada 24 April 2023 dari [Wahhabism - Islamic Studies - Oxford Bibliographies](#).

²⁶ Habib, J. S., *Ibn Saud's Warriors of Islam: The Ikhwan of Najd and Their Role in the Creation of the Sa'udi Kingdom, 1910-1930*. (Leiden: E.J. Brill, 1978).

²⁷ Hasyim, A., *Kritik Terhadap Teologi Wahabiyyah di Indonesia Dalam Pemikiran Said Aqil Siradj*. (Bachelor's thesis, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, 2019) 14.

Istilah Wahhabiyyah dinisbahkan kepada keturunan Muhammad bin Abdul Wahhab bagi menggambarkan aliran dan fahaman yang dipelopornya.²⁸ Hari ini, istilah “Wahhabisme” digunakan secara meluas di luar Semenanjung Arab untuk merujuk kepada gerakan Sunni Islam yang berusaha untuk mensucikan agama Islam daripada sebarang bida’ah atau amalan yang menyimpang daripada ajaran Nabi Muhammad SAW dan para sahabat pada abad ke-7.²⁹ Menurut Khalid Abou El-Fadl, istilah Salafisme pada awalnya tidak dikaitkan dengan fahaman Wahabi sehinggalah tahun 1970-an. Dia berhujah bahawa pada awal abad kedua puluh, pendukung fahaman Wahhabiyyah mula menyebut diri mereka sebagai Salafi.³⁰ Penisbahan Wahhabiyyah kepada gelaran Salafiyah ini di atas upaya mereka yang cuba untuk menghidupkan kembali Mazhab Salaf dalam memahami aqidah Islam.³¹ Di sebahagian besar negara Muslim yang lain, pendukung fahaman ini lebih cenderung untuk menggelarkan diri mereka sebagai “Unitarians” (*muwahhidun*) atau “Salafiyyun”.³²

Bentuk-bentuk Fahaman Melampau Kumpulan Wahhabiyyah

Bagi menjelaskan latar belakang fahaman melampau yang dianuti golongan Wahhabiyyah ini. Sheikh Ahmad al-Fatani telah mengemukakan beberapa bentuk pendirian kumpulan Wahhabiyyah dengan katanya:

“Maka meringkah ia bagi dirinya akan mazhab yang sesat dan menyalahi ia akan segala imam agama dan menyesat ia akan segala yang jahilin dan mengkafirkan ia akan segala mereka yang tiada mengikut mazhabnya daripada mukminin.”³³

Menurut Sheikh Ahmad, kumpulan Wahhabiyyah merupakan sebuah kumpulan yang menyalahi aliran mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah sedia ada. Antara bentuk kesesatan yang dilakukan oleh kumpulan Wahhabiyyah ialah mereka mudah menghukum kafir kepada mana-mana individu yang tidak sehaluan dengan mereka. Sikap bermudah-mudah dalam mengkafirkan sesama Islam dalam isu-isu yang tidak melibatkan pengingkaran terhadap perkara yang diketahui secara mudah dalam agama adalah satu kecenderungan melampau (*al-tashaddud* atau *al-tatarruf*).³⁴ Isu takfir atau menghalalkan pembunuhan merupakan antara perkara besar yang dikaitkan dengan Muhammad bin Abdul Wahhab dan para pendukungnya. Tokoh-tokoh penentang sezaman terutamanya daripada kalangan ulama *Ahli Sunnah Wal Jamaah* aliran Asya’irah, Maturidiah dan *tasawuf sunni* merupakan antara kelompok yang mengaitkan isu ini dengan beliau.³⁵ Fahaman melampau dengan menghukum kafir kepada ahli

²⁸ Burckhardt, J. L., *Notes on The Bedouins and Wahabys*. (London: Henry Colburn and Richard Bentle, 1830).

²⁹ Ishak, R. A., & Razali, W. M. F. A. W., Ciri-ciri Wahhabi Menurut Pandangan Muhammad Abu Zahrah dalam *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah. Jurnal Sains Insani*. 5/1 (2020), 263.

³⁰ Ali, M. (2019). Understanding Salafis, Salafism and Modern Salafism. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 41/1 (2019), 128.

³¹ Mas’od, M. A., Isu Wahabiyyah: Menanggani Secara Realiti. *Jurnal Penyelidikan Islam*, (2006), 111.

³² Ishak, R. A., & Razali, W. M. F. A. W., Ciri-ciri Wahhabi Menurut Pandangan Muhammad Abu Zahrah dalam *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah. Jurnal Sains Insani*. 5/1 (2020), 230.

³³ Al-Fatani, S. A., *Hadiqatul Azhar War Rayahin*. ed. Wan Mohd Shaghbir Abdullah. 1998; cet. ke-1, (Selangor: Khazanah Fathaniyyah, 2020) 144.

³⁴ Hamat, M. F., Menangani ekstremisme menurut pendekatan Ahlu Sunnah Wal Jama’ah. 69-85. Kertas kerja dibentangkan dalam *Seminar Anti Ekstremisme Melalui Pendekatan Wasatiyyah*, Dewan Tuanku Permaisuri Hajah Haminah, Kampus Kolej Universiti Insaniah Kuala Ketil, Kedah Darul Aman, 8-9 Ogos 2016.

³⁵ Zin, E. I. E. W., Mammad, A. R. dan Omar, S. H. S., Syaikh Muhammad bin Abd Al- Wahhab dan Kaitannya dengan Isu Takfir. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 4 (2011), 61-72.

kiblat yang lain dibimbangi akan melahirkan tindakan-tindakan ganas yang turut menjejaskan keamanan dan perpaduan ummah.³⁶

Implikasinya, darah orang yang dikafirkan termasuk ahli masyarakat awam yang tidak sependapat dengan mereka dianggap sebagai halal. Justeru itu, bagi mereka diharuskan untuk membunuh lawan dan orang awam yang bersekongkol dengan lawan mereka. Bahkan mereka lebih selesa membunuh sesama Islam daripada membunuh orang bukan Islam sendiri.³⁷ Walau bagaimanapun, terdapat juga penafian daripada Muhammad bin Abdul Wahhab sendiri mengenai dakwaan dan kaitanya dengan isu takfir ini. Penafian ini dapat dilihat daripada surat-surat yang diutuskannya kepada individu dan masyarakat seperti surat kepada Muhammad bin A'yd seorang penguasa Tharmada', beliau menafikan melakukan *takfir* ke atas mana-mana orang jahil yang belum memperoleh penjelasan lengkap terhadap perbuatan syirik yang dilakukan.³⁸ Sheikh Ahmad sendiri tidak menghuraikan dengan terperinci mengenai pendirian pendukung Wahhabiyyah yang menghukum kafir terhadap individu yang tidak mengikut pandangan mereka. Selain itu, terdapat beberapa isu yang melatari fahaman melampau Wahhabiyyah ini samada dari aspek pengibadatan mahupun pegangan seseorang individu. Sheikh Ahmad al-Fatani telah menjelaskan aspek ibadat lain yang turut menjadi perbalahan seperti katanya:

“Dan menghukum ia dengan syirik mereka yang ziarahkan Kubur Nabi S.A.W dan auliya' dan solihin, dan yang bertawassul dengan mereka itu. Dan mengharamkan ia akan berselawat atas Nabi S.A.W dan beberapa i'tiqad yang lain daripada demikian itu, dan bahawasa segala manusia telah kufur mereka itu daripada masa hijrah 600 tahun sehingga kepada masanya itu. Dan ialah yang membaharukan bagi mereka itu akan Islam mereka itu. Dan mentaklif (mengarang) ia bagi mereka itu beberapa risalah dan mendatang ia dengan beberapa ibarat da beberapa dalil atas fahamnya yang sesat dan aqalnya yang tebal. Dan mengkesamaran (mengelirukan) ia dengan demikian itu atas kebanyakan orang awam. Maka mengikut setengah mereka itu akan dia.”³⁹

Sheikh Ahmad al-Fatani menjelaskan bahawa di antara kesesatan yang dilakukan oleh pendukung fahaman Wahhabiyyah ialah dengan menghukum syirik bagi orang Islam yang menziarahi Nabi s.a.w, para auliya', solihin dan mereka yang bertawassul dengan mereka ini. *Tawassul* merujuk kepada suatu permohonan atau doa kepada Allah SWT yang dipohon oleh seorang mukmin melalui perantaraan amalan saleh atau seseorang supaya apa yang dihajati dapat dimakbulkan Allah SWT.⁴⁰ Bagi menerangkan isu ini, Muhammad Abu Zahrah mendatangkan penjelasan bagi larangan bertawassul oleh kumpulan Wahhabiyyah di mana mereka menolak amalan meminta pertolongan daripada orang yang sudah mati atau perkuburan

³⁶ Hamat, M. F., Menangani ekstremisme menurut pendekatan Ahlu Sunnah Wal Jama'ah. 69-85. Kertas kerja dibentangkan dalam *Seminar Anti Ekstremisme Melalui Pendekatan Wasatiyyah*, Dewan Tuanku Permaisuri Hajah Haminah, Kampus Kolej Universiti Insaniah Kuala Ketil, Kedah Darul Aman, 8-9 Ogos 2016.

³⁷ Haron, Z., A Study of the Salafi Jihadist Doctrine and the Interpretation of Jihad by Al-Jamaah Al-Islamiyah. *Kemanusiaan* 20/2 (2013), 23.

³⁸ Muhammad, A. A., *Da'awa al-Munawi'in Li Da'wah Syaykh Muhammad bin 'Abd al-Wahhab*. (Riyadh: Dar al-Tayyibah, 1989).

³⁹ Al-Fatani, S. A., *Hadiqatul Azhar War Rayahin*. ed. Wan Mohd Shaghir Abdullah. 1998; cet. ke-1, (Selangor: Khazanah Fathaniyyah, 2020) 144.

⁴⁰ Al-Jazairi, A. B. J., *Aqidah at-Mu'min*. (Kaherah: Maktabah al-Kuliyat al-Azhariyyah, 2008).

orang soleh dengan beranggapan bahawa ia boleh mengundang syirik kepada Allah.⁴¹ Mereka tidak melarang amalan tawassul secara keseluruhannya sebaliknya menegaskan supaya ianya mesti dilakukan berdasarkan dalil al-Quran dan Sunnah.⁴² Melalui penjelasan Sheikh Ahmad lagi, gerakan ini juga turut mengharamkan amalan berselawat atas Nabi s.a.w. Tindakan mereka ini telah menimbulkan kekeliruan dalam kalangan orang awam. Sheikh Ahmad al-Fatani turut menjelaskan sikap kumpulan Wahhabiyyah yang bersepakat dengan pemerintah-pemerintah setempat bagi menguasai beberapa wilayah termasuk Tanah Haram.

“Kemudian maka masuk ia kepada setengah raja-raja negeri masyriq dan diam ia di sisi mereka itu, mengaya-gaya (memujuk) ia akan mereka itu hingga tertipu daya mereka itu, maka menolong mereka itu akan dia. Dan tasallit (menguasai) mereka itu atas beberapa qaryah dan negeri hingga memerang mereka itu akan beberapa negeri yang besar-besar dan memilik mereka itu akan dua Tanah Haram yang mulia dan segala qura (kampung) keduanya.”⁴³

Bagi mengembangkan fahaman secara meluas, Muhammad bin Abdul Wahhab telah berhasil memujuk pemimpin tempatan seperti Muhammad Saud untuk mendukung perjuangannya. Pada 1744, Muhammad Saud telah bergabung kekuatan dan bekerjasama dengan Muhammad bin Abdul Wahhab untuk membangunkan sebuah kesepakatan dari aspek politik, agama dan perkahwinan. Kesepakatan ini telah melahirkan dan mengukuhkan Wahhabisme sebagai satu aliran agama dan politik di rantau Semenanjung Arab.⁴⁴ Bagi mengukuhkan lagi kerjasama yang dijalinan, Muhammad bin Saud telah mengahwinkan puteranya iaitu Abdul Aziz bin Muhammad dengan anak perempuan Muhammad bin Abdul Wahhab.⁴⁵ Pelbagai tindakan berbentuk serangan dan pencerobohan dilakukan oleh pendukung fahaman ini untuk memastikan kawasan Semenanjung Arab diletakkan di bawah pengaruh kerajaan Saudi-Wahabi. Antara tindakan mereka ialah dengan menceroboh kedua-dua masjid suci di Mekah dan Madinah seperti yang dicatatkan oleh Sheikh Ahmad al-Fatani.⁴⁶

“Dan meroboh mereka itu akan segala qubbah tempat yang mulia-mulia dan kubur solihin, dan mengerasi mereka itu akan manusia atas masuk kepada mazhab mereka itu yang celaka. Dan merampas mereka itu akan segala pakaian kubur Nabi dan segala barang yang di dalam qubbahnya yang maha mulia S.A.W dan segala barang di dalam Kaabah daripada segala perkakas dan perhiasan yang indah-indah. Dan masuk mereka akan Mekah pada tahun 1220. Dan telah menghasarkan (mengepung) mereka itu akan Mekah hingga lapar ahlinya dan makan setengah mereka itu akan anjing. Kemudian masuk mereka itu akan dia dan merentah mereka itu padanya 7 tahun. Dan

⁴¹ Zahra, M. A. *Tarikh Al-Madhahib Al-Islamiyyah Fi Al-Siyasah Wa Al-‘Aqai’d Wa Tarikh Al-Madhahib Al-Fiqhiyyah*. (Kaherah: Dar Fikr al-Arabi, t.t).

⁴² Ishak, R. A., & Razali, W. M. F. A. W., Ciri-ciri Wahhabi Menurut Pandangan Muḥammad Abu Zahrah dalam *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah. Jurnal Sains Insani*. 5/1 (2020), 265.

⁴³ Al-Fatani, S. A., *Hadiqatul Azhar War Rayahin*. ed. Wan Mohd Shaghbir Abdullah. 1998; cet. ke-1, (Selangor: Khazanah Fathaniyyah, 2020) 144.

⁴⁴ Hasyim, A., *Kritik Terhadap Teologi Wahabiyyah di Indonesia Dalam Pemikiran Said Aqil Siradj*. (Bachelor's thesis, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, 2019) 15.

⁴⁵ Jawi, I., *Kitab Tamadun Islam*. (Kuala Lumpur: Patriots Publication, 2019).

⁴⁶ *Ibid.*,

adalah pada masa itu Daulah 'Aliyyah Uthmaniyyah di dalam huru-hara yang amat sangat.”⁴⁷

Dicatatkan bahawa sekitar 1810 Masihi, pendukung fahaman ini telah mengasak dan menjarah banyak kafilah yang melakukan ziarah di Masjid al-Haram dan Masjid Nabawi. Beberapa tindakan ekstrem mereka termasuklah menyerang, menodai Masjid Nabawi, membongkar makam nabi dan menjual serta membahagi-bahagikan peninggalan berupa artifak sejarah dan permata-permata yang mahal. Tindakan ini juga turut menyundang kemarahan umat Islam di seluruh dunia termasuk pemerintah Kerajaan Turki Uthmaniyyah yang bertindak sebagai “Penjaga Dua Tanah Haram”. Sebagai tindak balas ke atas perbuatan melampau pendukung fahaman Wahhabiyyah ini, Sultan Mahmud II pernah menitahkan sebuah angkatan perang Mesir untuk dikirim ke Jazirah Arab bagi berdepan dengan kumpulan ini.⁴⁸ Peperangan ini berakhir dengan kekalahan pendukung kuat Wahhabiyyah. Peristiwa penentangan Khalifah Turki Uthmaniyyah terhadap kumpulan Wahhabiyyah juga turut diulas oleh Sheikh Ahmad al-Fatani.

“Kemudian keluar titah daripada Sultan kepada Muhammad Ali Pasha, Raja Mesir dengan suruh memperangkan mereka itu maka diperangkan mereka itu hingga dibinasakan dan dihilangkan daulah mereka itu dan ditawarkan raja mereka itu yang pertama Abdullah bin Saud dan beberapa perdana menteri mereka dan dibawakan mereka itu ke Mesir kemudian ke Istanbul maka diarakkan mereka itu dan kemudian dibunuh mereka itu dan adalah beberapa perangan ini permulaannya pada masa Sultan Salim yang ketiga dan kesudahannya pada masa Sultan Mahmud yang kedua yang lagi akan datang sebutannya itulah kisah mereka itu atas jalan iktisar waahualam”⁴⁹

Pemimpin utama kumpulan ini iaitu Abdullah bin Saud dan beberapa orang kanannya telah dipenjarakan oleh khalifah di Turki dan sebahagiannya di Mesir. Abdullah bin Saud pula pada akhirnya dihukum pancung atas tindakan membelot, memberontak dan menentang khalifah Islam yang sah (bughah).⁵⁰ Fasa pertama bagi penubuhan Kerajaan Saudi-Wahabi ini tamat pada 1820 Masihi. Walaubagaimanapun, gerakan Wahhabiyyah ini terus diperjuangkan oleh keturunan mereka. Hal ini berlarutan sehingga kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniyyah.

Tindakan mereka ini turut menggugat kestabilan pemerintahan Uthmaniyyah yang mana menjadi penjaga bagi dua Tanah Haram. Pakatan Saudi-Wahabi ini sejak mula penubuhannya telah melaungkan slogan arabisasi kononnya mereka adalah orang arab yang dijajah oleh bangsa Turki. Maka, beberapa siri pemberontakan telah dilaksanakan bagi menentang dan melepaskan diri dari naungan kerajaan Turki Uthmaniyyah.⁵¹ Pada pengamatan penkaji, Sheikh Ahmad menerangkan secara khusus mengenai gerakan Wahhabiyyah ini sebagai respon kepada munculnya beberapa tokoh yang dilihat mempunyai fahaman yang sama terutamanya di rantau Alam Melayu. Melalui penceritaan sejarah dan tindak-tanduk gerakan Wahhabiyyah ini sedikit sebanyak memberi pendedahan kepada para pembaca untuk mengenali

⁴⁷ Al-Fatani, S. A., *Hadiqatul Azhar War Rayahin*. ed. Wan Mohd Shaghir Abdullah. 1998; cet. ke-1, (Selangor: Khazanah Fathaniyyah, 2020) 144.

⁴⁸ Hasyim, A., *Kritik Terhadap Teologi Wahabiyyah di Indonesia Dalam Pemikiran Said Aqil Siradj*. (Bachelor's thesis, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, 2019) 19.


⁴⁹ Al-Fatani, S. A., *Hadiqatul Azhar War Rayahin*. ed. Wan Mohd Shaghir Abdullah. 1998; cet. ke-1, (Selangor: Khazanah Fathaniyyah, 2020) 144.

⁵⁰ Jawi, I., *Kitab Tamadun Islam*. (Kuala Lumpur: Patriots Publication, 2019).

⁵¹ *Ibid.*,

mereka dengan lebih dekat. Tambahan pula, Sheikh Ahmad al-Fatani sendiri merupakan individu yang hidup sezaman dengan konflik yang dicetuskan oleh gerakan ini.

Rajah 1.1 Ringkasan Fahaman Melampau Menurut Sheikh Ahmad al-Fatani
dalam *Hadiqatul Azhar War Rayahin*



(Sumber: Rumusan penulis berdasarkan kitab *Hadiqatul Azhar War Rayahin*)

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, fahaman melampau yang dipelopori oleh pendukung Wahhabiyyah dapat dilihat melalui beberapa sikap dan tindakan yang bertentangan dengan aliran perdana umat Islam. Tidak hanya menyebabkan berlaku salah faham dalam memahami nas-nas syarak, tindakan ekstrem kumpulan menyebabkan pengamalan agama dalam kalangan umat Islam turut dinilai sebagai suatu yang salah sehingga dikaitkan dengan perbuatan bida'ah, syirik dan khurafat. Walaupun kumpulan ini menyatakan pendirian mereka sebagai pendukung utama aliran al-salaf al-soleh tetapi ada sebahagian ulama tidak bersetuju dengan gerakan mereka yang melampaui batas dalam perkara bukan ibadat dan menjadikan kekerasan sebagai medium penyampaian dakwah. Sheikh Ahmad al-Fatani sendiri menggelarkan kumpulan ini sebagai sebuah gerakan yang melampau disebabkan pegangan dan tindak tanduk mereka. Karya ini tidak hanya mengfokuskan perbincangan sejarah sahaja, sebaliknya didatangkan pelbagai informasi yang berguna dalam membentuk kefahaman agama dalam kalangan umat Islam. Islam datang di Alam Melayu melalui jalan perdamaian, maka sebarang bentuk tindakan radikal yang boleh menggugat keharmonian hidup beragama hendaklah ditangani dengan baik agar imej Islam sebagai ajaran yang sejahtera tidak pandang serong.

Kajian ini juga menekankan bahawa sejak dahulu lagi, ulama-ulama Islam di rantau Nusantara sememangnya telah menolak sebarang fahaman radikal dan ekstrem dalam memahami dan mengamalkan agama. Rantau Nusantara, lebih-lebih bagi konteks Malaysia yang mempunyai warna-warni kaum dan penganut agama, semestinya memerlukan umat Islam

untuk mengambil sikap yang sederhana dalam memahami dan mengamalkan agama. Justeru, apa yang digariskan oleh ulama ulung Nusantara seperti Sheikh Ahmad al-Fatani, sepertimana yang cuba ditonjolkan menerusi kajian ini, amat penting untuk dijadikan pedoman oleh generasi kini bagi mengelak daripada bersikap melampau dalam beragama.

Bibliografi

Abdullah, W. M. S., *Syeikh Ahmad Al-Fatani: Pemikir Agung Melayu Dan Islam*. Jilid 1. (Kuala Lumpur: Khazanah Fataniyyah, 2005).

Ali, M., Understanding Salafis, Salafism and Modern Salafism. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 41/1 (2019), 125-136.

Al-Fatani, S. A., *Hadiqatul Azhar War Rayahin*. ed. Wan Mohd Shaghir Abdullah. 1998; cet. ke-1, (Selangor: Khazanah Fathaniyyah, 2020)

Al-Jazairi, A. B. J., *Aqidah at-Mu'min*. (Kaherah: Maktabah al-Kuliyyat al-Azhariyyah, 2008)

Bakri, M. F. M., *Elemen Tajdid dan Islah Syeikh Ahmad al-Fatani (m. 1908) dalam Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin*. (Latihan Akademik. Universiti Malaya, 2023).

Burckhardt, J. L., *Notes on The Bedouins and Wahabys*. (London: Henry Colburn and Richard Bentle, 1830).

Delong-Bas, N., Wahhabism. (2009). Diakses pada 24 April 2023 dari [Wahhabism - Islamic Studies - Oxford Bibliographies](#).

Fathy, A., *Ulama Besar Dari Patani*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002.

Habib, J. S., *Ibn Saud's Warriors of Islam: The Ikhwan of Najd and Their Role in the Creation of the Sa'udi Kingdom, 1910-1930*. (Leiden: E.J. Brill, 1978).

Hamat, M. F., Menangani ekstremisme menurut pendekatan Ahlu Sunnah Wal Jama'ah. 69-85. Kertas kerja dibentangkan dalam *Seminar Anti Ekstremisme Melalui Pendekatan Wasatiyyah*, Dewan Tuanku Permaisuri Hajah Haminah, Kampus Kolej Universiti Insaniah Kuala Ketil, Kedah Darul Aman, 8-9 Ogos 2016.

Haron, Z., A Study of the Salafi Jihadist Doctrine and the Interpretation of Jihad by Al-Jamaah Al-Islamiyah. *Kemanusiaan* 20/2 (2013), 15-37.

Hasyim, A., *Kritik Terhadap Teologi Wahabiyyah di Indonesia Dalam Pemikiran Said Aqil Siradj*. (Bachelor's thesis, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, 2019).

Ishak, R. A., & Razali, W. M. F. A. W., Ciri-ciri Wahhabi Menurut Pandangan Muhammad Abu Zahrah dalam Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah. *Jurnal Sains Insani*. 5/1 (2020), 225-236.

Jawi, I., *Kitab Tamadun Islam*. (Kuala Lumpur: Patriots Publication, 2019).

Mas'od, M. A., Isu Wahabiyyah: Menanggannya Secara Realiti. *Jurnal Penyelidikan Islam*, (2006),101-114.

Muhammad, A. A., *Da'awa al-Munawi'in Li Da'wah Syaykh Muhammad bin 'Abd al-Wahhab*. (Riyadh: Dar al-Tayyibah, 1989).

Sulaiman, M. H., *Analisis Pemikiran Sheikh Wan Ahmad Bin Muhammad Zain Al-Fatani Dalam Konsep Ilahiyyat*. (Tesis Kedoktoran, Universiti Utara Malaysia, 2012)

Sulong, A. R., *Pemikiran Turki Uthmaniyyah Menurut Syeikh Wan Ahmad Bin Muhammad Zain Al-Fatani Dalam Bukunya Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin*. (Tesis Kedoktoran, Universiti Sains Malaysia, 2013)

Wahab, M. R., Shuhari, M. H., & Hamat, M. F., Mendepani Ekstremisme Melalui Pendekatan Waljamaah Berteraskan Wasatiyyah. *Journal of Public Security and Safety*, 14/2 (2022), 151-173.

Yaacob, A., Yaacob, S., Yaacob, H., & Yaacob, B., Syeikh Ahmad Bin Muhammad Zain Bin Mustafa Al-Fatani: Peranan Dalam Bidang Politik Dan Pendidikan Di Alam Melayu Abad Ke 20. *International Journal of Law, Government and Communication*. 6/36 (2021), 168-192.

Zahra, M. A. *Tarikh Al-Madhahib Al-Islamiyyah Fi Al-Siyasah Wa Al-'Aqai'd Wa Tarikh Al-Madhahib Al-Fiqhiyyah*. (Kaherah: Dar Fikr al-Arabi, t.t)

Zin, E. I. E. W., Mammod, A. R. dan Omar, S. H. S., Syaikh Muhammad bin Abd Al-Wahhab dan Kaitannya dengan Isu Takfir. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 4 (2011), 61-72.